


DARURAT TANAH MELAYU

M
999.5
SMS

08-00992



DARURAT TANAH MELAYU

oleh
SYED MAHADZIR



Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Syed Mahadzir Syed Ibrahim, 1961-

Darurat Tanah Melayu / Syed Mahadzir ; perekabentuk Ann Lim
(Siri 50 tahun Malaysia)

ISBN 987-983-3704-16-3 (set)

ISBN 987-983-3704-25-5

1. Malaya--History--Malayan emergency, 1948-1960. 2. Malaysia--History.

I. Ann Lim. II. Judul. III. Siri

959.5

Semua hakcipta terpelihara. Segala bahan berupa gambar, tulisan, ilustrasi dalam buku ini tidak boleh disiarkan dengan apa cara sekalipun oleh mana-mana pihak tanpa mendapat izin daripada penerbit.

Kreatif / Design

Ann Lim

Pengarah Kreatif & Produksi

John Nelson Cooray

Terbitan

2007

Diterbitkan oleh

COORAY'S

HOUSE OF PUBLICATIONS SDN BHD

A04/02 Unif 04, 3rd Floor, Garden City Business Centre
Jalan Dagang Besar, 68000 Ampang, Selangor, Malaysia.

Tel: 603-4270 3722 **Fax:** 603-4270 1733

Email: jncooray@streamyx.com

Website: www.jncooray.com

nota penerbit...

Buku-buku dalam **SIRI 50 TAHUN MERDEKA** ini dirasakan amat sesuai dihayati oleh para pelajar dalam usaha mereka untuk memahami sejarah negara di samping menyemarakkan khazanah kesusasteraan negara serta mengayakan lagi karya seni budaya warisan bangsa. Usaha ini benar-benar upaya menjadi penyambung lidah kesejarahan negara.

SIRI 50 TAHUN MERDEKA ini merupakan satu lagi usaha gigih yang wajar disokong demi menyemarakkan semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan para pelajar.

Sesungguhnya buku-buku dalam **SIRI 50 TAHUN MERDEKA** ini amat bermanfaat untuk dihayati, diladeni dan ditelusuri kisah-kisahnyanya oleh para pelajar, guru-guru, ahli masyarakat dan semua pencinta sejarah tanah air. Buku-buku ini ditulis dengan ringkas dan senang difahami oleh para pelajar.

Semoga pada masa yang akan datang usaha yang sama dapat ditunjukkan lagi demi kecemerlangan dan kegemilangan sejarah negara.

'SELAMAT MEMBACA'

M
9159.5
SMS

JOHN NELSON COORAY

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA KIN <input type="checkbox"/> U <input type="checkbox"/> 6 <input type="checkbox"/> Perkhidmatan <input checked="" type="checkbox"/>	
Tarikh terima:	5.12.2007
Tarikh siap didaftar:	22.2.08
Tarikh siap didokumentasi:	15/5/08
Tarikh disusun atas rak:	26 MAY 2008

01421196

DARURAT TANAH MELAYU

Darurat Tanah Melayu yang berlaku pada tahun 1948 hingga 1960 adalah persengkatan antara Parti Komunis Malaya (PKM) dengan kerajaan British di Tanah Melayu. Darurat diisytiharkan pada tanggal 7-7-1948.

Punca Darurat

Bolehlah dikatakan bahawa segalanya bermula selepas pendudukan Jepun 1942-1945. Nasionalisme orang Tanah Melayu yang telah dipengaruhi oleh orang Jepun semasa pendudukannya telah mendorong kepada mereka supaya ingin berkerajaan sendiri.

Pembunuhan seramai tiga orang pengurus ladang berbangsa Inggeris di Sungai Siput, Perak pada tahun 1948, telah menyebabkan kerajaan mengisytiharkan darurat di seluruh Tanah Melayu. Sebulan selepas itu Parti Komunis Malaya (PKM) diharamkan.

Dengan itu, ketua PKM, telah mengubahkan dasarnya yang bersikap sederhana kepada bentuk yang agresif, iaitu dengan pembunuhan.

PKM memulakan dengan mogok bersama dengan kesatuan sekerja, serta penubuhan Persatuan Buruh Baru (New Democratic Youth League).

Namun, pemogokan itu telah gagal dan undang-undang yang baru dibuat oleh British untuk melemahkan PKM, seterusnya PKM menggunakan serangan bersenjata untuk mendapatkan apa yang mereka rasa patut.

Hubungan PKM dan British yang semakin teruk dan setelah Chin Peng sebagai ketua yang baru, gerakan bersenjata dibuat, dengan pembunuhan 3 ketua Kuo Min Dang (KMT), dan 3 orang pengurus ladang getah yang berbangsa Eropah, termasuk 1 penolong, pada 12-6-1948 dan 15-6-1948. Darurat Negeri diisytiharkan di Johor pada tanggal 19-6-1948.

Langkah Mengatasi Darurat

Undang-undang Darurat telah diisytiharkan. Antaranya adalah termasuk:

1. Parti politik yang bersifat radikal diharamkan.
2. Sesiapa yang disyaki terlibat dengan kegiatan komunis akan ditangkap, serta dibuang negeri.
3. Hukuman bunuh dibuat ke atas sesiapa yang dianggap bersubahat dengan komunis.

Pada masa darurat, kira-kira 40,000 orang tentera termasuk beberapa rejimen Askar Melayu telah dikerah untuk menghapuskan anasir komunis. Mereka dilengkapi dengan peralatan kelengkapan perang seperti meriam, kapal terbang, dan kapal laut.

Ketenteraan British juga telah diperketatkan. Polis British dan mata-mata khas telah bertambah ke 70,000 orang. Home Guard diperkenalkan supaya lebih ramai orang yang mampu membanteras komunis, iaitu sebanyak 200,000 orang.

Bantuan tentera dari Komanwel (British, Australia, New Zealand, Gurkha dan Fiji), Polis Khas dan Perkhidmatan Negara telah dibuat.

Perintah Berkurung telah dibuat di kawasan yang telah mempunyai pengaruh komunis. Kawasan Putih dan Hitam telah diperkenalkan supaya British boleh memudahkan proses mereka dalam membanteras komunis.

Kawasan Putih adalah bermaksud kawasan tersebut telah bebas daripada anasir komunis, dan sebaliknya yang ada pada Kawasan Hitam. Antara semua negeri, Melaka adalah negeri yang pertama mendapat gelaran Kawasan Putih.

Sekatan jalan raya dan kawalan kampung telah dibuat oleh Home Guards di kawasan yang mungkin sebagai kawasan yang mempunyai pengaruh komunis. Dengan itu, mereka boleh menyemak atau memeriksa sesiapa sahaja dan juga berhak merampas barang yang mereka ada.